



## KERAJAAN MALAYSIA

INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)  
BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR

### KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat berdaftar di **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam **Gred Kategori** dan **Pengkhususan** yang berkaitan tawaran kerja seperti berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KELAYAKAN
SEBUT HARGA INTAN BIL. 16/2026	KERJA KERJA PEMBAIKAN <i>HIKING TRAIL</i> SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI INTAN BUKIT KIARA	Gred G1 Kategori CE Pengkhususan CE14 dan CE21

1. **Taklimat sebut harga dan lawatan tapak** akan diadakan pada **11 JUN 2026 (KHAMIS) JAM 10.00 PAGI** bertempat di **UNIT PENYENGGARAAN & PEMBANGUNAN, INTAN BUKIT KIARA.**
2. **Dokumen sebut harga** boleh diperolehi **selepas sesi taklimat dan lawatan tapak.** Kontraktor yang berminat perlu membawa bersama-sama **SALINAN SIJIL** daripada **CIDB** dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** daripada **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** yang didaftarkan sama ada di bawah Kementerian Kerja Raya (KKR) atau Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dan **Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate – TCC)** semasa mengambil dokumen sebut harga. Hanya penama dalam sijil seperti dinyatakan di atas sahaja yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak. Syarikat/kontraktor tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama dalam sijil-sijil berkenaan.
3. Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **UNIT KEWANGAN, PEJABAT PENDAFTAR, ARAS 1, BLOK AKADEMIK INTAN BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR** dengan menulis **“SEBUT HARGA INTAN BIL.16/2026”** di sebelah kiri atas di sampul tawaran berkenaan dan dialamatkan kepada:-

**Pengarah**  
**Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)**  
**Bukit Kiara, Jalan Bukit Kiara**  
**50480 Kuala Lumpur**

4. Tawaran Sebut Harga akan ditutup pada **18 JUN 2026 (KHAMIS) JAM 12.00 TENGAH HARI.** Sebut Harga yang lewat tidak akan diterima.

Tarikh Iklan : 4 Jun 2026

b.p. Pengarah  
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)  
Kuala Lumpur